

Perancangan, Kekangan dan Cabaran: Suatu Perspektif Pusat Pembangunan Mahasiswa UKM

Prof. Dr. Zaidi Md Isa dan Encik Mohd Hanafiah Omar
Pejabat Dekan,
Pusat Pembangunan Mahasiswa, Paras 4,
Bangunan Pusanika Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
salma@pkisc.cc.ukm.my

Abstrak: Kecemerlangan mahasiswa tidak hanya diukur dari segi pencapaian akademik semata-mata. Sebaliknya kecemerlangan mahasiswa perlu dilihat dalam perspektif yang seimbang dan menyeluruh sesuai dengan matlamat dan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Mahasiswa perlu diberikan peluang dan pendedahan yang sesuai untuk mengembangkan potensi diri terutama dari segi kepimpinan dan pembinaan sahsiah serta personaliti positif sebagai langkah melahirkan bakal-bakal siswazah yang berkualiti, berketerampilan dan berdaya saing. Untuk mencapai hasrat murni ini, UKM menerusi Pusat Pembangunan Mahasiswa telah, sedang dan akan merancang, mengurus, menyelaras serta memantau beberapa program pembangunan mahasiswa untuk memberikan nilai tambah [added value] dalam konteks memperkasa keupayaan modal insan. Mahasiswa dan siswazah yang berkualiti, berketerampilan dan berdaya saing merupakan pewaris kepada kepimpinan masyarakat dan negara pada masa depan. Ternyata usaha-usaha ini memerlukan persefahaman, sokongan dan kerjasama pelbagai pihak sama ada dalam mahupun di luar Universiti.

Katakunci: Kecemerlangan, mahasiswa.

Pendahuluan

Pusat Pembangunan Mahasiswa (PPM) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2001. PPM diketuai oleh seorang Dekan bertaraf Profesor.

PPM bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni [HEPA] untuk merancang program pembangunan sahsiah mahasiswa menerusi tiga strategi utama iaitu;

1. Merancang dan melaksana program latihan berkaitan kepimpinan, komunikasi, kerohanian, ICT, ketatanegaraan dan khidmat masyarakat untuk membentuk insan yang boleh menghadapi cabaran masa kini dan masa depan,
2. Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa bersama Fakulti, Unit-Unit HEP dan Kolej bagi menyelaras dan memastikan (memantau) program yang diatur tidak bertindih dan mencapai objektifnya,
3. Menyelia dan menyelaras penerbitan-penerbitan pelajar agar mencapai tahap kualiti yang tinggi.

Perancangan

Bagi mencapai hasrat penubuhannya, PPM telah, sedang dan akan merancang beberapa aktiviti/program yang berupaya memberikan nilai tambah kepada mahasiswa dan bakal-bakal graduan.

Dalam tempoh tiga tahun pertama (awal 2001 – pertengahan 2003), PPM telah berjaya merancang dan menguruskan beberapa program pembangunan mahasiswa secara bersepada dengan memberikan penekanan kepada aspek-aspek berikut;

- Peningkatan/penguasaan bahasa Inggeris
- Kepimpinan
- Komunikasi dan teknologi maklumat (ICT)
- Asas pengurusan kualiti (TQM)
- Komunikasi korporat dan bengkel keterampilan diri/imej
- Program kaunseling rakan sebaya
- Program ketatanegaraan

Pada ketika itu, program PPM kelihatan tidak mempunyai fokus kerana ianya dikatakan bercampuraduk dengan beberapa program yang lain termasuk wujudnya duplikasi dengan fungsi Unit Rundingcara Pelajar dan Unit Perhubungan dan Latihan Pelajar HEP dalam beberapa aspek pelaksanaan program/aktiviti pengembangan mahasiswa. Namun keadaan yang berlaku itu tidak merugikan mahasiswa, sebaliknya PPM berpendapat ia telah memperkayakan program pembangunan mahasiswa secara keseluruhannya.

Mulai pertengahan tahun 2003, PPM telah mengambil langkah beberapa tapak ke hadapan bagi memperkuuhkan strateginya untuk mencapai matlamat murni Universiti dan sekaligus matlamat penubuhan PPM. Antara langkah drastik yang telah dirancang termasuk;

- Mengemaskini strategi/pelan tindakan dengan memperkenalkan empat fungsi baru, iaitu Latihan Pengembangan Mahasiswa (*Student Development Training*), Khidmat Sokongan Pengembangan Mahasiswa (*Student Development Assistance*), Khidmat Koordinasi Program Pengembangan Luar (*Student Development Coordination*) dan Penyelidikan dan Pembangunan Mahasiswa (R & D).
- Memberikan fokus kepada aspek keperluan pelanggan (mahasiswa) menerusi *need analysis* yang dibuat terhadap program latihan/ pengembangan mahasiswa termasuk bahasa Inggeris, program kualiti ICT dan kepimpinan.
- Memberikan penilaian terhadap program-program latihan dan pembangunan mahasiswa untuk melihat keberkesanannya dan melakukan penambahbaikan kualiti secara berterusan terhadap program-program yang akan datang.
- Memberikan fokus kepada pembangunan rakan sebaya, menerusi program Rakan PPM dalam aktiviti penguasaan bahasa Inggeris, ICT dan kepimpinan.
- Memberikan perhatian penting dalam aspek kualiti penerbitan mahasiswa termasuk pemantauan Majalah Aspirasi terbitan PMUKM, majalah tahunan kolej dan Buletin/risalah Persatuan-Persatuan Mahasiswa. Tidak sekadar memantau penerbitan pelajar, PPM mengorak langkah dalam menguruskan

penerbitan buletin Dinamisme setiap dua bulan sekali. Kini usaha sedang dijalankan untuk menerbitkan Jurnal Personalia Pelajar pada setiap tahun.

- Menguruskan pemilihan calon pemenang anugerah khas kualiti bagi kategori kegiatan mahasiswa cemerlang pada setiap tahun.
- Memberikan pengiktirafan (anugerah) yang sewajarnya kepada pelajar harapan kolej yang telah memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, sesuai dengan hasrat Universiti menjadikan kolej sebagai Pusat Kecemerlangan Mahasiswa.
- Bersedia melaksanakan Program Finishing School/Program Pembangunan Pra Eksekutif [PPPE] untuk manfaat mahasiswa tahun akhir/bakal-bakal graduan UKM. PPPE sebenarnya telah berjaya dilaksanakan secara percubaan/perintis pada 13 – 15 Februari 2006 bertujuan untuk membantu bakal-bakal graduan mempertingkatkan kualiti, keterampilan dan daya saing sebelum mereka melangkahkan kaki ke alam kerjaya.

Kekangan

Bagi melaksanakan beberapa fungsi tersebut, Dekan PPM telah dibantu oleh seorang Penolong Pendaftar Kanan, seorang Penolong Pendaftar [kontrak] dan dua orang pegawai kerani [kontrak] serta seorang Pembantu Am Rendah. Bilangan anggota kerja yang sedia ada sememangnya kurang berupaya melakukan tugas/memikul beban yang besar, apatah lagi memenuhi cabaran yang semakin kompleks dan keperluan yang begitu mendesak. Dalam keadaan sekarang, kekurangan anggota kerja yang begitu ketara telah mengekang cita-cita dan iltizam Pusat ini untuk terus berkembang dan memikul tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Kini, sudah sampai masanya untuk PPM terus berkembang. Hasrat dan cita-cita murni ini boleh dicapai sepenuhnya jika PPM diberikan kekuatan baru, menerusi penambahan beberapa orang staf lagi termasuk dua orang Penyelaras untuk menguruskan aspek perhubungan ALUMNI, kajian pengesahan graduan, penyelidikan, keusahawanan siswa dan program pembangunan mahasiswa.

Struktur baru PPM, sila lihat rajah 1. Struktur baru ini dapat mencerminkan hasrat sebuah Pusat Pembangunan Mahasiswa yang menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan sebuah entiti yang menjana kecemerlangan mahasiswa dalam artikata yang sebenar.

Perlu diingat, kejayaan dan keberkesanannya PPM sebagai entiti/pusat kecemerlangan mahasiswa bukan terhad kepada peranannya yang hanya bertindak sebagai penyelaras dan pemantau kepada program-program pengembangan mahasiswa semata-mata, tetapi lebih jauh dari itu sebagai pencetus, perancang

dan pendokong/penggerak utama dalam aktiviti-aktiviti pembangunan mahasiswa yang memberikan nilai tambah kepada mahasiswa dan bakal-bakal graduan UKM.

Cabaran

PPM sudah lama bersedia menyahut cabaran untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Mahasiswa. Menerusi penambahan staf dan penstrukturran semula (dalaman), fungsi dan tanggungjawab PPM boleh diberi nafas baru dan dipertingkatkan lagi. PPM telah bertekad untuk membina dan menghasilkan mahasiswa yang cemerlang dalam perspektif yang menyeluruh dan seimbang bagi memenuhi tuntutan keilmuan, tuntutan agama, tuntutan industri/vokasional, tuntutan negara bangsa dan tuntutan global.

Antara cabaran utama yang sedang ditangani oleh PPM termasuk;

- Memastikan lebih ramai mahasiswa dapat mengambil bahagian dalam program-program pembangunan termasuk kepimpinan, ICT, penguasaan bahasa Inggeris (serta bahasa arab, tamil dan mandarin), pengurusan kualiti dan sebagainya.
- Memastikan modul program pembangunan mahasiswa yang sedia ada sentiasa dikemaskini dan disesuaikan dengan kehendak/tuntutan keilmuan dan industri.
- Memastikan lebih ramai pemudahcara di kalangan tokoh-tokoh industri dibawa masuk/terlibat dalam menjayakan program-program pembangunan mahasiswa (selain daripada pentadbir dan ahli akademik UKM yang sedia ada).
- Memastikan semua program pengembangan mahasiswa dapat merealisasikan hasrat Universiti dan kerajaan dalam melahirkan siswazah yang cemerlang mengikut perspektif yang seimbang, berdaya saing serta berupaya menyahut cabaran global.
- Memastikan modul program pembangunan mahasiswa dapat membantu mempertingkatkan kualiti, imej dan kebolehpasaran bakal-bakal graduan/siswazah UKM.
- Memastikan Unit Penyelidikan PPM adalah mantap dan berkesan. Unit ini antara lain bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berikut;
 - i. Menguruskan kajian pengesanan graduan pada setiap tahun dan membuat laporan/tindakan susulan yang sewajarnya.
 - ii. Menguruskan kajian tentang isu pengangguran siswazah UKM dan membuat laporan/tindakan susulan yang sewajarnya.

- iii. Memastikan Jabatan HEP mempunyai Sistem Pengurusan Kualiti [SPK] yang mantap dan berkesan serta melakukan audit dalam dengan sejawarnya bagi memastikan Jabatan HEP mempunyai mekanisme yang berkesan untuk melakukan penambahbaikan terhadap SPK secara cekap dan berterusan demi manfaat dan kepuasan pelanggan serta *stakeholders*.
 - iv. Menguruskan pemantauan secara sistematik terhadap program-program latihan kemahasiswaan yang dianjurkan oleh pihak kolej dan unit-unit HEP.
 - v. Menguruskan pemantauan secara sistematik terhadap pelaksanaan Pelan Strategik UKM (tahun 2000 – 2020) yang melibatkan semua unit HEP.
 - vi. Menguruskan penerbitan Buletin Dinamisme PPM setiap dua bulan sekali.
 - vii. Menguruskan penerbitan Jurnal Personalia Pelajar HEP pada setiap tahun.
 - viii. Menguruskan seminar, wacana, forum dan perbincangan berkaitan isu pembangunan mahasiswa di peringkat HEP UKM dan IPTA dari semasa ke semasa.
 - ix. Menguruskan kajian berhubung keberkesanan program pengantarabangsaan mahasiswa dengan kerjasama Unit Kegiatan Pengantarabangsaan Jabatan HEP.
-
- Meneroka bentuk bengkel/program kemahiran baru untuk ditawarkan kepada mahasiswa termasuk memahami kemurungan, pemakanan dan imej badan, membina kepercayaan, pengurusan tekanan, perkembangan kerjaya, pembuatan keputusan, memahami diri, latihan empati, penyelesaian konflik, penjanaan kreativiti dan budaya inovasi, latihan eco-knowledge serta perancangan strategik.
 - Membantu Universiti menyahut cabaran kerajaan, khasnya Y.B. Menteri Pengajian Tinggi bagi melahirkan siswazah yang memiliki *double major*, dalam artikata mempunyai penghususran yang tidak terlalu terbatas/sempit dalam bidang-bidang tertentu sahaja bagi mempertingkatkan daya saing dan keterampilan siswazah UKM.
 - Menjalin kerjasama lebih erat dan berkesan dengan Pertubuhan ALUMNI UKM serta industri dalam melahirkan graduan dan siswazah yang cemerlang dan berketerampilan.
 - Memperhebatkan program ketatanegaraan dengan kerjasama Biro Tatanegara serta program integrasi nasional dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional [JPNIN] untuk membentuk jati diri, perpaduan dan kecemerlangan

mahasiswa yang merupakan pewaris kepada masyarakat dan kepimpinan negara pada masa depan. Urusan ini perlu dilaksanakan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Pelajar JHEP dan dipantau oleh PPM.

- Bekerjasama dengan Pengetua Kolej dalam merealisasikan hasrat Universiti menjadikan kolej sebagai sebuah entiti/pusat kecemerlangan mahasiswa sesuai dengan pertukaran nama dan status kamsis kepada kolej mulai tahun 2000.
- Melatih mahasiswa dalam program khusus keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, PUNB, PKNS dan beberapa agensi kerajaan/NGO yang sesuai serta meneroka peluang-peluang baru dan skim-skim baru yang lebih inovatif untuk mempertingkatkan daya saing serta kebolehpasaran siswazah. Pada jangka panjang, UKM perlu mengenalpasti penubuhan Unit baru untuk merancang, mengurus dan memantau projek-projek keusahawanan mahasiswa yang bersifat *tangible* dan *hand on*.
[Sekadar cadangan, Unit ini sepatutnya bergabung/diletakkan di bawah Pusat Perhubungan ALUMNI. Pusat Perhubungan ALUMNI berbeza dengan Pertubuhan ALUMNI yang sedia ada kerana Pertubuhan ALUMNI didaftarkan di bawah ROS, walhal Pusat Perhubungan ALUMNI merupakan sebuah PTJ di bawah TNC HEPA]. Kesediaan Universiti mewujudkan sebuah PTJ baru berhubung Pusat Perhubungan ALUMNI ini sebenarnya bersesuaian dengan halatuju potfolio TNC HEPA.
- Mewujudkan *smart partnership* dan jaringan kerjasama dengan pihak industri, kerajaan pusat, kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, badan-badan korporat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam melaksanakan program-program pembangunan mahasiswa dari semasa ke semasa.

Penutup

Tugas besar ini sememangnya tidak terdaya dipikul oleh PPM dalam struktur lama dan dalam keadaan staf yang kecil bilangannya. Pihak Universiti wajar membuat perubahan “ drastik ” terhadap syor Pusat ini untuk mewujudkan struktur organisasi PPM yang baru bagi membolehkan PPM melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan, sekaligus menangani cabaran-cabaran baru dalam merancang dan menguruskan program-program pembangunan mahasiswa.

PPM yakin, berkat persefahaman dan kerjasama semua pihak, sama ada dalam mahupun luar Universiti, program-program pembangunan mahasiswa akan memberikan impak dan kesan yang lebih baik pada masa depan. Tekad PPM ialah untuk membina mahasiswa yang cemerlang dan melahirkan siswazah yang gemilang seiring dengan hasrat kerajaan dalam memperkuatkkan keupayaan modal insan, demi bangsa, agama dan negara. Kita tidak dapat menyangkal lagi bahawa modal insan yang cemerlang dalam perspektif yang menyeluruh akan menyumbang kepada

cita-cita kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan kita sendiri.

Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Pelajar peringkat kebangsaan pada 8 - 9 Ogos 2006 di hotel Grand Season Kuala Lumpur.